

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) belum menerima arahan untuk menutup premis milik Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) di ibu negara.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, pihaknya akan bekerjasama sekiranya terdapat arahan atau keputusan untuk menutup premis GISBH berkenaan.

"Kita belum lagi mendapat apa-apa arahan, setakat ini di bawah siasatan polis.

"Kalau kita mendapat arahan atau keputusan di peringkat atasan, kita akan bekerjasama," katanya pada sidang media selepas Sambutan Hari Penguatkuasa ke-55 di Menara Jabatan Penguatkuasa DBKL, di sini, semalam.

DBKL belum terima arahan tutup premis



DR Maimunah

Kerajaan Selangor sebelum ini dilaporkan mengambil tindakan dengan mengarahkan semua premis GISBH di negeri itu ditutup berkuat kuasa serta-merta dan merampas segala aset syarikat berkenaan.

Sementara itu, Maimunah turut menyatakan bermula 1 September lalu, kadar bayaran tempat meletak kereta di Taman Botani di sini, dipinda.

"Mulai 1 September, kadar kita pinda dua jam pertama adalah RM3 dan setiap jam berikutnya RM1 berbanding sebelum ini RM4 sekali masuk," katanya.